

**SOALAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 1 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI ALAM
SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah Kementerian untuk menerokai sumber air alternatif untuk kegunaan domestik dan pertanian termasuk empangan pinggir laut, air bukit dan sumber-sumber lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian giat berusaha dalam penerokaan sumber air alternatif bagi menampung permintaan air yang semakin meningkat untuk kegunaan domestik, pertanian dan industri. Pada ketika ini, selain dari sumber air permukaan, usaha penyelidikan dan pembangunan tertumpu kepada sumber air alternatif seperti air hujan, air tanah dan air payau.

Dalam konteks ini, NAHRIM telah membangunkan produk air minuman hujan (TuaiHujan) bagi kegunaan domestik dan industri di samping menjalankan usaha memperkenalkan takungan air pinggir sungai (TAPS) bawah tanah, empangan pinggir laut, air atmosfera dan air tebus guna. Sistem TuaiHujan sesuai digunakan di kawasan kediaman, premis perniagaan dan rumah ibadat, manakala sistem penjana air atmosfera (*AWG – atmospheric water generator*) lebih sesuai dibangunkan di kawasan pulau.

Untuk memenuhi keperluan pertanian pula, beberapa kawasan sedang dikaji seperti Lembangan Sungai Melaka Langkawi, Sungai Kedah dan Sungai Muda menggunakan teknik takungan air pinggir sungai (TAPS) bawah tanah.

Sekian, terima kasih.